

Minggu Suai Mesra Program Bioteknologi Sesi 2012/2013

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Perjumpaan dan taklimat ringkas bersama para pelajar baharu program Bioteknologi sempena Minggu Suai Mesra Sesi 2012/2013 telah diadakan pada 5 September 2012 bertempat di BT51, SST. Program ini telah dihadiri oleh para pensyarah dari program Bioteknologi serta seramai 50 orang pelajar tahun pertama. Pada sesi perjumpaan ini, Ketua Program Bioteknologi, Dr. Ivy Wong Nyet Kui telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan struktur pengajian dan juga memperkenalkan para pensyarah serta kakitangan sokongan. Para pensyarah juga turut menyampaikan kata-kata nasihat dan pesanan berbentuk motivasi kepada para pelajar.

Sebagai pengenalan kepada aktiviti mentor-mentee, para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang diselia oleh mentor masing-masing. Selain berkenalan lebih rapat, aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan aktiviti pembelajaran dan sebagainya. Secara keseluruhan, perjumpaan ini amat berfaedah dan menjadi platform awal untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan maklumat penting seperti struktur pengajian, kursus-kursus yang akan diikuti sepanjang pengajian dan prospek kerjaya selepas tamat pengajian kelak.